

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT YANG KE-13,
PENGGAL KEENAM,

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN**
MOHAMAD HANADZIAH
KAWASAN : **TAMBUN**
TARIKH : **6 MAC 2017 [RABU]**
NO. SOALAN : **72**

SOALAN

Menyatakan kedudukan daya saing negara di kalangan negara-negara di dunia. Apakah usaha untuk terus memperkukuhkan kedudukan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam laporan *Global Competitiveness Report (GCR) 2017-2018* yang diterbitkan oleh *World Economic Forum (WEF)* meletakkan Malaysia di kedudukan ke-23 di kalangan 137 ekonomi, meningkat dua kedudukan dari (GCR 2016-2017: ke-25 daripada 138 ekonomi). Laporan ini menilai faktor-faktor yang membolehkan negara mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran dalam jangka panjang melalui 12 teras daya saing iaitu Institusi, Infrastruktur, Persekitaran Ekonomi Makro, Kesihatan dan Pendidikan Rendah, Pendidikan Tinggi dan Latihan, Kecekapan Pasaran Barangan, Kecekapan Pasaran Buruh, Pembangunan Pasaran Kewangan, Kesyediaan Teknologi, Saiz Pasaran, Kecanggihan Perniagaan dan Inovasi yang melibatkan 114 kriteria.

Laporan *World Competitiveness Yearbook (WCY) 2017* yang diterbitkan oleh *Institute for Management and Development (IMD)* meletakkan

Malaysia berada di kedudukan ke-24 daripada 63 negara berbanding kedudukan ke-19 daripada 61 negara pada 2016. Laporan ini mengukur daya saing sesebuah negara berdasarkan indeks daya saing yang terdiri daripada 4 input faktor iaitu Prestasi Ekonomi, Kecekapan Kerajaan, Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur.

Manakala, laporan *Doing Business (DB) 2018* yang dikeluarkan oleh Bank Dunia merekodkan Malaysia berada di kedudukan ke-24 daripada 190 buah ekonomi, mencatatkan perubahan sebanyak 1 kedudukan dari tahun sebelumnya (DB 2017: ke-23). Laporan ini mengukur indikator-indikator yang merangkumi keseluruhan kitaran perniagaan melibatkan 11 bidang yang berkaitan dengan urusan menjalankan perniagaan iaitu Memulakan Perniagaan, Urusan Permit Pembinaan, Kemudahan Bekalan Elektrik, Pendaftaran Hartanah, Mendapatkan Kredit, Perlindungan ke atas Pelabur Minoriti, Pembayaran Cukai, Perdagangan Rentas Sempadan, Penguatkuasaan Kontrak, Penyelesaian Insolvensi dan Peraturan Pasaran Buruh.

Pencapaian Malaysia dalam ketiga-tiga laporan daya saing ini menunjukkan negara berada di kalangan 25 negara paling kompetitif dan mendahului negara-negara ASEAN seperti Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei kecuali Singapura. Bagi memastikan negara terus berdaya saing, Malaysia Produktiviti Blueprint (MPB) telah dilancarkan pada 8 Mei 2017 bagi memacu pelaksanaan inisiatif produktiviti di peringkat nasional, sektor dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan terus mempergiatkan usaha dengan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan prestasi Malaysia. Ini termasuklah:

- i. Meningkatkan daya saing di mana produktiviti telah dikenal pasti sebagai pemacu perubahan (*game changer*). Prestasi daya saing sangat bergantung kepada prospek pertumbuhan ekonomi dan produktiviti dalam jangka masa panjang. 5 teras yang digariskan dalam Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) bagi meningkatkan produktiviti iaitu menghasilkan tenaga kerja masa hadapan,

- memacu pendigitilan dan inovasi, memastikan akauntabiliti industri terhadap produktiviti, membentuk ekosistem yang teguh dengan menangani kekangan peraturan dan menentukan mekanisme pelaksanaan yang padu melalui tadbir urus yang berkesan;
- ii. Mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif melalui Amalan Baik Peraturan (GRP) yang diaplikasi ke atas peraturan-peraturan berkaitan perniagaan. Peraturan-peraturan tersebut dikaji semula bagi mengenalpasti beban peraturan yang tidak perlu dan langkah penambahbaikan dijalankan;
 - iii. Meningkatkan kerjasama erat di antara sektor awam dan swasta dalam bentuk pasukan kerja seperti PEMUDAH dalam mewujudkan persekitaran mesra perniagaan dan mengurangkan birokrasi beban peraturan;
 - iv. Kumpulan Kerja Daya Saing (*Competitiveness Working Group-CWG*) antara kementerian dan agensi yang terdiri daripada 10 kluster yang membincangkan mengenai pelbagai langkah dan inisiatif untuk dilaksanakan oleh kementerian dan agensi khususnya bagi indikator-indikator yang mengalami penurunan dalam laporan daya saing;
 - v. Selain itu, MPC juga telah bekerjasama dengan Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam (*Civil Service Delivery Unit-CSDU*), Jabatan Perdana Menteri bagi mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan yang boleh diambil bagi memperbaiki kedudukan negara melalui program Pengurusan Data. CSDU telah membentuk satu pasukan petugas daya saing (*Competitiveness Taskforce*) yang terdiri daripada 32 wakil kementerian, jabatan dan agensi untuk membekalkan data yang berkualiti, terkini dan memenuhi definisi yang diperlukan oleh badan penarafan antarabangsa. Sehubungan dengan itu, semua kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat telah bersetuju mengambil tanggungjawab bagi memantau dan membekalkan data yang berkaitan kementerian masing-masing kepada MPC dan organisasi antarabangsa; dan

- vi. Penyebaran maklumat melalui penerbitan bercetak dan elektronik juga terus dipergiatkan selain penganjuran sesi libat urus bersama pihak media untuk mewar-warkan prestasi Malaysia kepada pihak umum.

Dengan usaha-usaha bersepadu dan penglibatan dari kementerian, jabatan dan agensi diharap dapat memperkukuhkan lagi kedudukan daya saing Malaysia di masa hadapan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

TARIKH : 07.03.2018

SOALAN : NO. 73

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pencapaian IPTS dalam kedudukan ranking dunia dan apakah langkah-langkah yang di laksanakan oleh Kementerian bagi membantu IPTS memperbaiki kedudukannya dalam ranking.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terus menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun terutamanya di peringkat Asia. Berdasarkan penarafan oleh QS-World University Rankings (Asia) 2018, sebanyak 11 IPTS tersenarai sebagai antara universiti terbaik Asia iaitu Universiti Teknologi Petronas (UTP) (kedudukan ke-101), Taylor's University (kedudukan ke-150) dan Multimedia University (kedudukan ke-179). Selain itu, UCSI University, Management and Science University, Lim Kok Wing University dan Universiti Tenaga Nasional semuanya berada di kelompok 200-250 serta Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Sunway University, Al-Madinah University dan Universiti Kuala Lumpur di kelompok 251-400.

Ini merupakan pencapaian yang membanggakan jika dibandingkan jumlah keseluruhan 11,900 buah universiti¹ di Asia.

Selain itu, penarafan QS World University Rankings by Subject 2017 (QSWURS) telah menyenaraikan 6 bidang pengajian yang ditawarkan oleh IPTS sebagai antara 200 terbaik dunia antaranya bidang *Hospitality & Leisure Management* oleh Taylor's University yang berada di kedudukan 50 terbaik dunia. UTP juga terus memperkasakan bidang kejuruteraan selaras dengan fokus universiti tersebut dan berjaya menempatkan tiga bidang kejuruteranya sebagai antara yang terbaik di dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan penarafan oleh Times Higher Education University Rankings: Asia (2018), UTAR buat pertama kalinya berjaya mendapat kedudukan 100 universiti terbaik di Asia dan UTP juga berjaya memperbaiki kedudukan ke-114.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberi sokongan kepada IPTS untuk menyerlah di dalam bidang *niche* pilihan melalui pemberian dana penyelidikan. Selain itu, IPTS juga digalakkan untuk bekerjasama dengan universiti awam melalui konsep kesepunyaan dan keserakanan dalam menjalankan penyelidikan terutamanya penyelidikan berimpak tinggi. IPTS juga digalakkan untuk mempertingkatkan kualiti penerbitan akademik dan memberikan keutamaan kepada penerbitan jurnal-jurnal berindeks untuk memperkasakan kedudukan mereka di peringkat antarabangsa.

¹ QS World University Rankings